



SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (23) 02/05

PAMERAN DSA & NATSEC ASIA 2024 MEMBINA KETAHANAN NEGARA UNTUK GENERASI MASA HADAPAN

1. **Kuala Lumpur, 5 Mei 2024** – Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan pameran terbesar di Asia iaitu Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia 2024 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia 2024 (DSA 2024 & NATSEC ASIA 2024) bagi edisi penganjuran DSA ke-18 dan NATSEC Asia ke-3 bermula daripada **6 hingga 9 Mei 2024 di Malaysian International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur**. Bertemakan “**Membina Ketahanan Negara Untuk Generasi Masa Hadapan**”, ia memberikan fokus kepada pembangunan industri pertahanan Negara serta mengukuhkan kerjasama antarabangsa.
2. Pada hari ini, telah berlangsung sesi **Press Walkabout** melibatkan **Menyelia Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** dan **Menyelia Dalam Negeri, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail** bersama media tempatan dan antarabangsa yang akan bertugas membuat liputan sepanjang pameran berlangsung. Penyertaan bersama ke dua-dua Menyelia Pertahanan dan Menyelia Dalam Negeri ini sekali lagi mengesahkan komitmen teguh kerajaan untuk memacu agenda pertahanan dan keselamatan ke hadapan baik di dalam negara maupun di pentas global.
3. Seramai **lebih 400 pengamal media tempatan dan antarabangsa** telah **berdaftar secara atas talian** dan dijemput pada hari ini bagi memberikan pendedahan melalui sesi tinjauan awal serta melihat persiapan akhir reruai pameran termasuk aset-aset yang bakal dipamerkan.
4. Secara keseluruhan, DSA 2024 & NATSEC Asia 2024 kali ini **mencatatkan sebanyak 1,324 syarikat telah mengambil bahagian dengan penglibatan daripada 60 buah negara dan 34 pavilion kumpulan negara**. Edisi kali ini menyaksikan kumpulan pavilion negara terbesar adalah dari Turkiye, China, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Itali dan Amerika Syarikat. Selain itu, keluasan tapak pameran pada tahun ini adalah **30% lebih besar** berbanding edisi sebelumnya yang meliputi seluas 48,000 meter persegi.
5. Pentingnya pameran ini, ia merangkumkan secara jelas peranan keseluruhan pameran yang **menjadi nadi penghubung dan titik bagi perkongsian kemajuan teknologi** dari serata dunia dalam memperkasa hala tuju pertahanan dan keselamatan antarabangsa.

6. Selain itu, pelbagai teknologi seperti sistem elektronik, simulator, sistem senjata dan peluru, sistem marin, platform penerbangan, sistem tanpa pemandu, sistem peluru berpandu dan platform kenderaan berperisai serta pelbagai lagi teknologi canggih akan dipamerkan. Ia bakal menampilkan kepakaran dalam bidang pembuatan, pembekalan, integrasi serta inovasi teknologi sistem pertahanan dan keselamatan yang meliputi kenderaan berperisai, platform persenjataan, *NetworkCentric Operation* (NCO), dron, pesawat tanpa pemandu (UAV), penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih (MRO), sistem radar dan komunikasitaktikal.
7. Antara syarikat pertahanan dan keselamatan terbesar Malaysia yang disahkan untuk menyertai DSA 2024 dan NATSEC Asia 2024 ialah Advanced Defence Systems Sdn Bhd, Cendana Auto Sdn Bhd, AVP Engineering (M) Sdn Bhd, DRB-Hicom Defence Technologies Sdn Bhd (DEFTECH), Kemalak Group, Nadicorp Holdings Sdn Bhd, MILDEF International Technologies, Mindmatics Sdn Bhd, OpenApps Sdn Bhd, Sapura Secured Technologies dan The Weststar Group. Setakat ini, DEFTECH merupakan pempamer Malaysia yang terbesar dan telah menjadi peserta utama sejak pada tahun-tahun sebelumnya, diikuti oleh The Weststar Group dan Nadicorp.
8. Pemain industri pertahanan dan keselamatan antarabangsa utama yang mengambil bahagian pada tahun ini termasuk Airbus Group, BAE Systems, Beretta Defense Technologies BDT, EDGE, Leonardo, MBDA, Sarsilmaz Silah Sanayi, SSM (Industri Turki Persatuan), Tawazun, TUSAS (Turkish Aerospace Industries), dan Yugoimport.
9. Turut serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Datuk Seri Isham bin Ishak, Panglima Angkatan Tentera; Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Darat; Jeneral Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri; Dato' Hj Abdul Halim bin Hj Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Penjara; Datuk Haji Nordin bin Haji Muhamad dan Pemangku Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia; Laksamana Madya (M) Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim.

- TAMAT -